

12/06/2014 - Majlis Amanat KSN Dan Penyampaian Surat Penempatan PTD
Gred M41

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

Yang Berbahagia Dato’ Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato’ Seri Zainal Rahim Seman
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

Yang Berbahagia Dato’ Dr. Mazlan bin Yusoff
Pengaroh INTAN

Yang Berbahagia Dato’ Mohtar bin Mohd Abd Rahman
Pengaroh Bahagian Perkhidmatan JPA

Pengaroh-pengaroh Bahagian JPA,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang diraikan pada hari ini.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah terlebih dahulu marilah kita mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan kasih dan izin-Nya dapat kita

bersama-sama berkumpul dalam majlis yang cukup bersejarah pada hari ini. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada saudara dan saudari sekalian kerana telah dilantik secara rasmi sebagai seorang penjawat awam atau lebih spesifik seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik atau PTD pada tanggal 7 Jun 2014 yang lalu. Majlis pada hari ini merupakan salah satu detik bersejarah kerana saudara dan saudari di hadapan saya ini merupakan kelompok pertama Kadet PTD setelah program ini dilaksanakan pada kali terakhir iaitu pada tahun 1992.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

2. Jika kita cuba mengimbas kembali pada 26 Mei 2013 yang lalu, mungkin ada dalam kalangan saudara dan saudari berasa kurang pasti atau memahami apakah maksud dan pengertian di sebalik nama PTD. Pasti ada di antara saudara dan saudari sekalian cuba menyemak apakah itu PTD di laman Google, ada juga yang mendapatkan kepastian melalui rakan-rakan ataupun kenalan keluarga dan ada juga yang cuba mendapatkan aura atau bayangan PTD dengan berjumpa sendiri pegawai-pegawai PTD yang sedang berkhidmat. Tetapi pada hari ini, saya percaya dengan pelbagai modul dan program telah dirangka khusus, saudara dan saudari telah mula memahami sedikit sebanyak mengenai PTD bahkan telah bersiap sedia daripada segi mental dan fizikal untuk memulakan alam pekerjaan sebagai seorang PTD.
3. Di kesempatan ini juga, setinggi penghargaan dan ucapan tahniah saya ucapkan juga kepada pihak INTAN, JPA yang telah bertungkus lumus bagi menjayakan Kursus Kadet PTD. Saya berharap, melalui proses perekruteraan pihak INTAN akan sentiasa melihat dan memperbaiki ruang penambahbaikan secara berterusan terhadap modul-modul, program mahupun personel dan sebagainya dalam mencapai kualiti dan standard yang lebih baik dan bersesuaian di masa akan datang.

CABARAN MALAYSIA: PEMBENTUKAN JATI DIRI & THINKING CIVIL SERVANT

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Malaysia ketika ini berhadapan dengan satu era di mana pemikiran generasi pejuang kemerdekaan bertembung dengan generasi anak-anak Malaysia yang

dilahirkan serba moden. Kepayahan dan keperitan generasi terdahulu hanya dapat dibaca melalui catatan atau peristiwa sejarah. Banyak pengorbanan yang terpaksa dilakukan demi memastikan generasi pada hari ini merasai kesenangan yang kita kecapai sekarang.

5. Namun, sepertimana saudara dan saudari dapat lihat sama ada dihadapan mata, mahupun di media sosial, ada sebilangan generasi muda negara kita pada hari ini seolah-olah telah kehilangan jati diri dan tidak bertunjungkan kepada Rukun Negara. Ada yang sanggup memperlekehkan jalur gemilang, menghina pemimpin negara dan menjatuhkan maruah negara di dalam mahupun di luar negara.

6. Jadi, besarlah harapan saya agar saudara dan saudari selaku PTD generasi muda pada ini mempunyai daya pemikiran yang matang, sifat keterbukaan yang tinggi dan jati diri yang kukuh supaya tidak mudah terpesong dan terpengaruh dengan budaya pemikiran yang ingin merosakkan asas perpaduan negara. Seharusnya kita sedar dan mengambil maklum bahawa tuntutan rakyat pada masa kini adalah amat berbeza sekali berbanding dahulu dan sesuatu keputusan bukan sahaja dibuat berdasarkan kepada peraturan semata-mata tetapi mengambil kira elemen lain seperti **common sense dan kebarangkalian faktor sampingan yang lain**. Inilah yang akan menjadikan kita sebagai '**thinking civil servant**'.

AMANAT YAB PERDANA MENTERI

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Sekiranya, saudara dan saudari masih ingat kepada ucapan YAB Perdana Menteri semasa Perhimpunan Hari Pekerja baru-baru ini. Beliau telah memberi penekanan kepada beberapa prinsip yang perlu dihayati dan diamalkan oleh penjawat awam. Prinsip-prinsip tersebut adalah meliputi:

Prinsip pertama: Berilmu. Penjawat awam hendaklah memastikan mereka sentiasa berilmu pengetahuan, kreatif, inovatif dan mampu menjadi contoh kepada masyarakat.

Prinsip kedua: Kebolehpercayaan. Ia meliputi sifat jujur, amanah, integriti dan diyakini serta mempunyai nilai-nilai murni sejagat yang dipercayai oleh masyarakat.

Prinsip ketiga: Budaya Amalan Kerja Terbaik. Merupakan cerminan kewibawaan penjawat awam yang melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi serta sentiasa kreatif bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Prinsip keempat: Semangat Patriotik. Kita perlu menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Raja, Negara dan Kerajaan seperti yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Prinsip kelima: Budaya Keberhasilan Yang Berteraskan Outcome. Ini penting bagi meningkat mutu dan kualiti kerja dengan bersandarkan kepada petunjuk prestasi utama (KPI) yang menilai bukan sahaja *output* tetapi impak atau *outcome* kepada kumpulan sasaran.

8. Kita sebagai penjawat awam seharusnya bersama-sama menghayati dan mengamalkan prinsip-prinsip yang digariskan ini bagi **memperkasa perkhidmatan** dan **memperkemas 'Delivery System' Kerajaan**; sesungguhnya, kita adalah tiang seri negara dan juga merupakan benteng negara.

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Saya seringkali mengingatkan kepada penjawat awam supaya mempraktikkan konsep "**Merakyatkan Perkhidmatan Awam**". Dewasa kini, kita perlu lebih memahami kehendak dan aspirasi rakyat dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, berkualiti dan seterusnya mampu memenuhi ekspektasi rakyat di luar jangkauan mereka. Terdapat enam (6) prinsip yang digariskan iaitu Keterbukaan, Turun Padang, Musyawarah (*Engagement*), Insaniah, Kerjasama Awam – Swasta – NGO, dan Kekitaan perlu sama – sama dihayati. Ini adalah bagi memastikan kesejahteraan rakyat adalah fokus utama dalam mendukung gagasan 1 Malaysia; Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

MENGEKALKAN SEMANGAT & MOMENTUM KADET PTD

10. Sebagai seorang PTD, saudara dan saudari seharusnya mempunyai ketahanan (*resilient*) yang tinggi dan *wisdom* dalam menghadapi cabaran dan amanah yang diberikan. Tidak dinafikan ada dalam kalangan *brothers and sisters* PTD yang sedang berkhidmat amat cemerlang dan berpontesi tinggi dalam menjalankan tugas mereka dan ada juga yang kurang cemerlang dan tidak mencapai ekspektasi yang diharapkan. Seharusnya yang baik itu dijadikan teladan dan yang buruk dijadikan sempadan. Ini adalah amat penting kerana saudara dan saudari seharusnya dapat meletakkan kayu ukur prestasi yang tinggi dalam menyampaikan perkhidmatan yang lebih cemerlang di dalam perkhidmatan awam.
11. Harapan saya, saudara dan saudari akan sentiasa berdisiplin, berintegriti, cekal dan tabah serta sentiasa memupuk budaya kreatif, inovatif dan sikap positif di dalam diri masing-masing. Ingin saya menyarankan saudara dan saudari untuk terus bergiat aktif di dalam pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai sukarelawan kepada masyarakat, menyertai aktiviti sukan untuk mengamalkan gaya hidup sihat ataupun mencambah idea dan kreativiti melalui Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di organisasi saudara dan saudari sekalian.
12. Ini adalah penting kerana proses pencarian atau pencambahan ilmu seharusnya diadakan secara berterusan dan tidak dihadkan kepada mana-mana bidang. Sebagai seorang PTD, saudara dan saudari bukan sahaja perlu mahir di dalam sesuatu bidang malah seharusnya mempunyai kompetensi diri yang cukup meluas dalam pelbagai bidang untuk pembangunan diri dan kerjaya di masa hadapan. Pembangunan kompetensi diri bukan sahaja perlu digilap di dalam sektor awam tetapi boleh diasah melalui penglibatan kerja-kerja komuniti masyarakat seperti gotong royong, penglibatan aktiviti tanggungjawab sosial bersama pihak swasta dan sebagainya.
13. Lantaran itu, saya sering sekali berpesan untuk meningkatkan pembangunan kompetensi diri saudara-saudari sekalian dengan “berhijrah” ke sesuatu organisasi yang baru atas permintaan sendiri mahupun mengikut arahan yang diberikan apabila mencapai waktu. Sekiranya, saudara dan saudari

berkhidmat di sesuatu tempat yang sama dan membuat bidang yang sama untuk satu tempoh masa yang lama, nescaya kompetensi saudara dan saudari sekalian tidak meluas dan hanya terbatas di dalam sesuatu bidang. Saya percaya semangat kekitaan atau “*esprit de corps*” dalam kalangan PTD khususnya juga akan berkurangan berikutan rangkaian hubungan (*networking*) yang tidak meluas dan skop bidang kita yang terbatas. Oleh yang demikian, saya berharap agar saudara dan saudari sekalian dapat menyahut cabaran ini dan akan terus berkhidmat dengan kompeten dan meningkatkan pembangunan kompetensi diri masing-masing dengan pembelajaran ilmu secara berterusan dan mengutamakan prinsip agama dan nilai-nilai moral sejajar dengan amalan dan budaya bangsa kita.

PENUTUP

14. Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada saudara dan saudari sekalian ke dalam “keluarga perkhidmatan awam” dengan kekuatan seramai 1.5 juta orang. Saya percaya, saudara dan saudari sekalian akan dapat menyesuaikan diri dan memberikan imej yang terbaik dengan “ahli-ahli keluarga” yang lain.

15. Hari ini hanyalah merupakan permulaan dan perjalanan saudara dan saudari di dalam perkhidmatan awam masih jauh lagi. Ingatlah masa depan dan maruah negara terletak di atas bahu saudara saudari sekalian. Doa dan harapan saya, agar saudara saudari sekalian akan terus cemerlang berkhidmat di mana jua organisasi, agensi, jabatan mahupun kementerian yang bakal ditempatkan. Insya-Allah.

Sekian, Wabilahi-taufik-wahidayah,
wasalamualaikum-warahmatulahiwaraktuh.

This page is intentionally left blank